



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN  
KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR

## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

---

### CABARAN MENDEPANI ISU SEMASA ALAM SEKITAR SIMPOSIUM 50 TAHUN JUBLI EMAS AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974:

---

**PUTRAJAYA, 28 Februari 2024** – Komitmen berterusan Jabatan Alam Sekitar dalam mengawal punca-punca pencemaran dari pelbagai aktiviti terus diperkasakan. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah mencapai usia Jubli Emas antara lain menyaksikan usaha berterusan JAS dalam memperkasakan kelestarian alam melalui penganjuran simposium yang menghimpunkan seramai 650 orang daripada pelbagai latar belakang di dalam industri.

“Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 kini sudah berusia 50 tahun. Saya amat berharap agar peranan pihak industri dapat diperkasakan dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar terutamanya dalam pelaksanaan pematuhan sendiri atau *self-regulation* di premis. Saya ingin menekankan kepentingan agenda alam sekitar hendaklah diterapkan dan diinstitusikan dalam pengoperasian syarikat masing-masing. Agenda ini hendaklah dipraktikkan oleh pihak pengurusan tertinggi terlebih dahulu agar menjadi contoh kepada kumpulan pengurusan yang lain. Matlamat akhirnya, aspek pemeliharaan dan

pemuliharaan alam sekitar dapat dibudayakan di semua peringkat” kata Dato’ Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Antara lainnya Jabatan ini turut menekankan Keperluan Orang Yang Berwibawa (OYB) di premis masing-masing telah dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 49A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sehingga kini, seramai 10,353 Orang Yang Berwibawa (OYB) telah berjaya dilahirkan melalui Program Pensijilan Profesional Alam Sekitar yang merangkumi bidang-bidang kawalan pencemaran air, udara, buangan terjadual dan penilaian impak kepada alam sekitar daripada industri dan penggerak projek EIA. Dengan bertambahnya bilangan Orang Yang Berwibawa ini, menunjukkan komitmen industri bagi mengurus perdanakan pengurusan alam sekitar ke arah yang lebih cemerlang dan lestari.

JAS menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**-TAMAT-**

**JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA  
28 FEBRUARI 2024**